

Islam memberikan perhatian penuh dalam mencari penyelesaian mengenai sekatan beranak, nikah cerai, kecenderungan pemuda-pemuda dengan “pop”, masalah mengugurkan anak dan lain-lainnya.

Kita bersyukur, bahawa beliau ada memerhatikan hal ini. Ini dapat dipaham daripada ucapan beliau tetapi sekiranya perkara itu diserahkan semata-mata kepada pemimpin-pemimpin Islam sahaja maka keadaan penyelesaian tidak mungkin akan terlaksana. Persoalan-persoalan ini adalah banyak perkaitannya. Di pihak agama dan Raja-raja Melayu ada pula perkara-perkara yang mesti difikirkan disyorkan mesti dibuat supaya dapat penyelesaian dibuat.

Kita telah berkali-kali menulis tentang ini. Umpamanya mengenai hukum-hukum yang bertelingkah – sama ada mengenai mati, sekatan beranak dan lainnya iaitu masalah-masalah yang banyak timbul sesudah Islam mula timbul dahulu – ertiya tidak ada pada masa dahulu. Untuk menghukumkan dan memberi fatwa atas ini, pada masa yang telah lalu, terbiar kepada orang-orang awam sedang pihak kerajaan negeri juga berlain-lainan pendapat mufti-muftinya. Oleh yang demikian maka sudah wajarnya, Kementerian Pembangunan Luar Bandar mendatangkan syor supaya diadakan suatu Majlis al-Fatwā untuk memberi fatwa-fatwa “yang berkelayakan” dan boleh diterima dengan cara:

1. Masalahnya yang timbul hendaklah dibentangkan oleh ahlinya dengan huraian yang terang.

2. Ulama-ulama golongan ahli tafsir hendaklah mencari hukumnya di dalam al-Qur’ān.
  3. Demikian juga ulama-ulama ahli ḥadīth.
  4. Pendapat-pendapat Tabiīn.
  5. Pendapat al-Salafu al-ṣāliḥ.
  6. Ahli qiyās dan seumpamanya.
- Apabila kata muktamad didapati maka fatwa itu hendaklah disiarkan dengan hujah-hujah dan alasan-alasan yang lengkap. Di Indonesia telah pun ada majlis seperti ini dan mereka telah pun mengeluarkan fatwa-fatwanya dengan luas mengenai darah, membedah mayat dan lain-lainnya dan jabatan ini dikelolakan oleh Jabatan Agama Indonesia. Apakah tidak mungkin pemegang mahor Raja-raja Melayu bergerak seperti ini dan membelanjakan wang untuk ini supaya umat jangan bertelingkah?
- Kalau Jabatan Kementerian Pembangunan Luar Bandar boleh mengadakan peruntukan untuk masjid maka betapa pula yang demikian tidak boleh boleh diadakan?
- Mengenai dengan galaknya pemuda-pemuda dengan “pop” dengan terus terang kita katakan: Jauhnya pemuda-pemuda daripada ajaran agamanya, sama ada akhlak, budi pekerti dan kewajipannya sebagai seorang Islam, persoalannya pun ada perkaitannya dengan bahagian kerajaan.
- Kalau orang-orang Islam di satu pihak diseru untuk bekerja menghapuskan yang demikian dan di satu pihak yang lain yang demikian digalakkan dengan pesatnya bagaimanakah umat Islam dapat menahan arus yang begitu besar, jika arus yang

mendarat itu tidak dikurangkan? Sebaliknya pula bantuan-bantuan kepada badan-badan agama, pemudanya atau seumpamanya, sebagaimana yang pernah dikatakan di Malaysia, tidak akan diberi kerana memberi badan-badan agama dimaknakan menghidupkan perkauman.

Kalau badan-badan Islam “dihalang” dari menerima bantuan bagaimana mereka akan dapat bergerak pada hal ekonomi umat Islam di negeri ini sangat lemah. Oleh yang demikian tidak wajar membandingkan kecerdasan “kekuatan” dakwah Kristian dengan Islam kerana umum mengetahui bahawa dakwah Kristian mendapat sokongan internasional sedang dakwah Islam, sebagaimana dikatakan oleh Muhammad Natsir Indonesia bermodalkan semuanya “kerana Allah!”.

Mudah-mudahan rencana ini menjadi perhatian Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar sebab di dalam membangun di luar bandar itu terletak tugas diri beliau, menurut pendapat kita, sebagai beliau seorang Islam, untuk mengawal supaya pengaruh “pop” jangan memasuki luar bandar yang berakibat akan merosakkan rancangan pembangunan itu sendiri.

\*

### Kata-kata Hikmah

Jika engkau hendak mengetahui seseorang itu maka tanyalah sahabatnya.

\*

Hampirilah dirimu kepada Allah dalam waktu senang, nescaya Allah akan menghampirimu dalam waktu susah.